

10 MAR 2001

Mahathir-Pendirian

RAKYAT YANG TAK SOKONG DEMONSTRASI JALANAN HARUS BERSUARA

PUTRAJAYA, 10 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata rakyat yang tidak menyokong demonstrasi jalanan mesti menyatakan pendirian mereka jika mereka mahu keamanan negara terus berkekalan.

Perdana Menteri berkata sikap berdiam diri rakyat dianggap oleh pihak penganjur demonstrasi seolah-olah mendapat restu dan sokongan mereka.

"Ada pihak yang mengatakan jika mereka mengutuk tindakan demonstrasi jalanan mereka menyokong kerajaan, ia tidak semestinya bermakna mereka menyokong kerajaan, tetapi (bermakna mereka) suka kepada keamanan," katanya semasa berucap pada majlis pertemuan dengan rombongan 21 persatuan silat dan seni pertahanan diri di Seri Perdana di sini hari ini.

Sebelum itu Perdana Menteri menerima memorandum daripada rombongan itu, yang mendakwa mewakili kira-kira 5.3 juta ahli daripada pelbagai kaum, mengenai ketetapan mereka mendesak supaya dihentikan segera tindakan demonstrasi jalanan yang dianjurkan oleh mana-mana parti politik.

Kumpulan itu turut berjanji dan berikrar terus memberi taat setia dan sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada kerajaan yang dipilih oleh rakyat demi memastikan keamanan dan kestabilan negara yang berkekalan.

Dr Mahathir berkata, jika rakyat tidak berpuas hati dengan kerajaan, mereka boleh menukarkannya melalui pilihan raya.

"Di Malaysia, tak ada sekatan untuk pilih sesiapa jadi kerajaan," katanya.

Perdana Menteri memberi contoh masa lampau pernah wujud kerajaan pembangkang di Pulau Pinang dan Sabah dan sekarang di Kelantan dan Terengganu.

Malah pada pilihan raya 1969, Selangor dan Perak tidak dapat ditentukan parti politik mana yang dapat membentuk kerajaan, katanya merujuk kepada kemenangan tipis pembangkang dan kerajaan di dua negeri tersebut.

Dr Mahathir berkata usaha untuk menggulingkan kerajaan melalui demonstrasi jalanan sebenarnya akan merugikan semua pihak kerana ia memberi gambaran negara dalam keadaan yang tidak aman dan akan menakutkan pelabur asing mahupun pelabur tempatan.

"Kalau negara tak tenteram, akhirnya semua akan rugi," katanya.

Perdana Menteri menegaskan bahawa kerajaan yang ada sekarang telah dipilih secara sah oleh rakyat melalui pilihan raya tanpa sebarang keraguan kerana parti memerintah telah menang kira-kira tiga per empat daripada kawasan pilihan raya.

Kalau ada pihak menggulingkan kerajaan secara tidak sah, keadaan yang serupa boleh berulang kepada kerajaan yang naik secara tidak sah itu, apabila timbul rasa tidak puas hati oleh mana-mana pihak, katanya.

Beliau berkata, tindakan demonstrasi juga boleh menghakis kewibawaan pihak-pihak yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga keamanan, misalnya polis dicabar dan seumpamanya.

Dr Mahathir menasihatkan golongan pelajar khususnya supaya mengelakkan diri daripada diperalat oleh kumpulan yang berkepentingan untuk berdemonstrasi.

"Kita bersusah payah mendapatkan kemerdekaan untuk membolehkan mereka mendapat pelajaran, tetapi ada orang ganggu dan hasut mereka untuk berdemonstrasi.

Penglibatan mereka dalam kegiatan demonstrasi bererti mereka tidak menghargai peluang dan perbelanjaan yang diberikan oleh kerajaan untuk mendapat pelajaran seolah-olahnya seperti mencurahkan wang ke dalam parit

sahaja.

Beliau meminta persatuan silat dan seni mempertahankan diri di negara ini supaya menasihatkan anggota mereka termasuk pelajar supaya menumpukan perhatian kepada pelajaran dan berpegang kuat kepada prinsip pertahanan diri.

"Tujuannya bukan untuk menyerang orang, tetapi mempertahankan diri dan mempertahankan keamanan," katanya.

Dr Mahathir mengucapkan terima kasih dan penghargaan kerajaan kepada kumpulan persatuan silat dan seni mempertahankan diri itu kerana menyatakan pendirian mereka menolak demonstrasi jalanan.

Mahaguru Persatuan Seni Silat Lincak Malaysia Datuk Haji Omardin Mauju, yang mengetuai rombongan itu menyerahkan memorandum berkenaan kepada Dr Mahathir.

Selain persatuan-persatuan silat utama di negara ini, persatuan seni mempertahankan diri lain yang turut serta dalam rombongan itu ialah Shito-Ryu Karate-Do, Goshin-Ryu-Karate, Shorin-Ryu Karate, Kokusai Jujutsu Ryu, Persekutuan Taekwondo Global Malaysia, Yoshinkan Aikido dan Kalari Payat Malaysia.

Sementara itu, Dr Sabree Salleh dari Persekutuan Taekwondo Malaysia hari ini dilantik sebagai pengerusi penaja Majlis Waja Diri Malaysia, yang menghimpunkan kesemua kumpulan persatuan silat dan seni mempertahankan diri dalam rombongan hari ini.

Dr Sabree telah meminta Dr Mahathir supaya menjadi penaung majlis itu dan Perdana Menteri berkata, pejabatnya akan menimbangkannya secara positif.

-- BERNAMA

AFY DC AKD